

01 FEB 1997

Yahaya-Intrakota

INTRAKOTA KEMUKAKAN CADANGAN KEPADA JAWATANKUASA KABINET

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Intrakota Consolidated, syarikat yang mengambil alih perkhidmatan bas di ibu negara, telah menyerahkan beberapa cadangan untuk mengatasi masalah pengangkutan awam di bandar raya ini kepada Jawatankuasa Kabinet mengenai Infrastruktur dan Pelaburan Sabtu lepas, kata Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom Berhad Tan Sri Yahaya Ahmad hari ini.

Beliau berkata cadangan-cadangan oleh Intrakota, sebuah anak syarikat DRB-Hicom, dibuat berikutan arahan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini kepada semua pihak terbabit untuk mencari jalan penyelesaian terhadap masalah pengangkutan awam di bandar raya ini sebelum 3 Feb ini.

Anwar, yang juga pengerusi jawatankuasa itu, berkata bahawa langkah jangka pendek diperlukan bagi mengatasi masalah pengangkutan awam di Kuala Lumpur sementara menunggu projek-projek infrastruktur utama yang sedang berjalan disiapkan.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed berkata Ahad lepas bahawa kementerian itu akan mengemukakan beberapa cadangan pada mesyuarat jawatankuasa berkenaan yang dijadualkan Isnin ini. Ia akan dihadiri oleh wakil-wakil daripada Dewan Bandaraya, Polis, KTM Berhad, Jabatan Kerja Raya dan Intrakota.

Yahaya berkata cadangan Intrakota itu termasuklah mewujudkan lorong kas untuk bas dan penguatkuasaan lebih ketat oleh pihak berkuasa.

Bagi menunjukkan kesungguhannya terhadap perkara itu, Yahaya sekali lagi membuat tinjauan di sekitar ibu kota hari ini bagi memastikan agar bas Intrakota mencukupi dan memberikan perkhidmatan di semua laluan di ibu kota.

"Saya membuat tinjauan di sekitar Selayang, Keramat dan Setapak untuk meninjau keadaan," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang sebelum mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Langkawi dengan menaiki pesawat terbaru Boeing 737-300 milik syarikat AirAsia, yang juga anak syarikat DRB-Hicom.

Yahaya berkata Intrakota akan menambah antara 30 dan 40 buah bas sebulan dalam usahanya untuk mengatasi masalah itu.

Mengenai rungutan oleh sesetengah penumpang mengenai kadar tambang Intrakota yang tinggi, beliau mencadangkan agar mereka membeli pas khas yang dikenali sebagai "Stock Value". -- BERNAMA

ES MZ MAI